

## Jaafar Onn insan paling kecewa

*Written by Raja on Wednesday, 07 September 2011 09:58*

KUALA LUMPUR - Datuk Jaafar Onn, Lt Jen (Bersara) anak kepada pejuang kemerdekaan, Datuk Onn Jaafar muncul insan paling kecewa kerana selepas mempertaruh harta dan nyawa demi memerdekakan negara tetapi akhirnya selepas 54 tahun merdeka, ada pemimpin Melayu yang sanggup mendaulatkan komunis.

Sambil menyifatkan pemimpin Melayu serta pengikut mereka yang mengagungkan komunis sebagai pengkhianat, Jaafar, 79, berkata, beliau masih boleh menerima sekiranya rakyat Malaysia tidak mahu mengiktiraf jasa bapanya, tetapi tidak sesekali memaafkan golongan yang mendewa-dewakan komunis.

Sehubungan itu, beliau berkata, kenyataan Timbalan Presiden Pas, Mohamad Sabu yang menafikan pengorbanan 25 anggota keselamatan dan keluarga mereka yang mati semasa mempertahankan Balai Polis Bukit Kepong ketika diserang 200 anggota komunis pada 23 Februari 1950 adalah perbuatan jahil.

Justeru, Jaafar menyeru kepada seluruh keluarga pejuang kemerdekaan dan anggota keselamatan negara supaya menghukum Mohamad atau Mat Sabu serta seluruh kepimpinan Pas dalam pilihan raya umum akan datang, selain beliau sendiri menimbang untuk mengambil tindakan undang-undang.

"Saya berasa begitu marah, benci dan meluat dengan pemimpin yang tak sedar diri seperti Mat Sabu. Pemimpin jenis apa yang diangkat oleh orang Pas ini? Perjuangan bangsa sendiri pun dia sanggup ketepikan demi mendewakan komunis. Inilah contoh pemimpin Melayu yang buta hati dan buta sejarah kerana politik.

"Semasa tragedi Bukit Kepong, saya berumur 17 tahun. Bapa saya sewaktu itu Menteri Besar Johor. Siapa kata komunis berjuang demi membebaskan Tanah Melayu daripada British pada ketika itu? Komunis membunuh orang Melayu pada ketika itu untuk menubuhkan sebuah republik komunis bukan untuk merdeka.

"Malah, saya menyaksikan sendiri kekejaman komunis selepas Parti Komunis Malaya (PKM) keluar daripada hutan pada tahun 1945. Mana-mana orang Melayu yang tidak menyokong komunis disembelih begitu sahaja dan sesetengah mangsa tidak berkubur hingga sekarang," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Jaafar yang bertugas sebagai tentera dari tahun 1952 hingga 1984 berkata, kenyataan Mat Sabu yang kemudiannya disokong oleh pemimpin-pemimpin kanan Pas lain adalah penghinaan kepada seluruh pejuang negara, yang berkorban nyawa dan raga demi mengembalikan pemerintahan negara ini kepada orang Melayu.

Katanya, jika PKM berjaya dalam cita-citanya untuk menubuh sebuah republik di Tanah Melayu pada ketika itu, pemimpin seperti Mat Sabu pun belum tentu dapat menghirup udara Malaysia kerana bukan sahaja Melayu akan dibunuh dengan kejam, tetapi agama Islam juga tidak mungkin wujud lagi di bumi bertuah ini.

*- Utusan Malaysia*